

Model

UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK

Tingkatan 2

Sejarah (21)

2 jam

Nama	
No. Kad Pengenalan	
Kelas	

ARAHAN:

1. Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama, nombor kad pengenalan dan nama kelas anda pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.
4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1 – 20	20	
B	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
C	1	20	
	2	20	
Jumlah		80	

Bahagian A


[20 markah]

Jawab semua soalan.

1 Apakah kawasan yang merangkumi Alam Melayu mengikut aspek geografi?

- A Arab
- B Parsi
- C China
- D Singapura

2 Rajah berikut berkaitan dengan perkembangan kerajaan Alam Melayu.



Apakah X?

- A Pusat kerajaan
- B Wilayah taklukan
- C Petempatan kecil
- D Pusat perdagangan

3 Apakah sumbangan tokoh berikut terhadap perkembangan kerajaan Champa?

Chu-Lien

- A Menamatkan ancaman Rom
- B Menamatkan pengaruh China
- C Mengalahkan serangan Siam
- D Membunuh pemerintah Dai Viet

4 Berikut adalah kerajaan luar yang sezaman dengan kerajaan Alam Melayu pada abad pertama.

- Empayar Rom
- Empayar Parsi
- Empayar Kushan
- Dinasti Han

Apakah kerajaan Alam Melayu tersebut?

- A Funan
- B Champa
- C Srivijaya
- D Gangga Nagara

5 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pemerintahan dalam kerajaan Champa.

Raja-raja Champa diiktiraf sebagai pemerintah yang mulia dan suci.

Bagaimanakah pengiktirafan tersebut dilakukan?

- A Adat pertabalan dijalankan
- B Dilantik oleh golongan Brahmin
- C Mempunyai alat-alat kebesaran
- D Raja dikaitkan dengan Dewa Siva

6 Gambar berikut merujuk kepada kolam yang dikenali sebagai *baray* di Angkor.



Mengapakah pemerintah Angkor membina *baray*?

- A Menyimpan air
- B Menangkap ikan
- C Menanam rempah
- D Membekal makanan


7 Maklumat berikut berkaitan dengan kegiatan perdagangan di Srivijaya.

Di pelabuhan kerajaan Srivijaya terdapat penyelia kegiatan perdagangan dan pekapalan.

Apakah gelaran jawatan tersebut?

- A Dapunta Hyang
- B Raja Cakravatin
- C Tuhan Vatakvrurah
- D Tribuana Tungadewi

8 Peta berikut merujuk kepada jalan perdagangan Alam Melayu dengan kerajaan luar.



Apakah kesan perkembangan aktiviti perdagangan terhadap masyarakat Alam Melayu?

- I Kemahiran membuat kapal
 - II Penguasaan ilmu pelayaran
 - III Kekurangan bekalan makanan
 - IV Perkembangan sistem pendidikan
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

9 Maklumat berikut adalah sistem tulisan di Alam Melayu.

Berasal dari India.

Perkataan tulisannya diambil daripada istilah Kavi dalam bahasa Sanskrit yang bermaksud penyair.

Apakah sistem tulisan tersebut?

- A Tulisan Jawi
- B Tulisan Sanskrit
- C Tulisan Palava
- D Tulisan Kawi

10 Apakah kerajaan Alam Melayu yang menghasilkan karya berikut?

- *Pararaton*
- *Tantu Panggelaran*
- *Nagarakertagama*

A Angkor
B Champa

C Majapahit
D Kedah Tua

11 Gambar berikut menunjukkan seni tersebut masyarakat kerajaan Majapahit.



Gapura Bajang Ratu

Apakah fungsi seni bina tersebut?

A Pusat bandar
B Pusat ibadat
C Pusat masyarakat
D Pintu gerbang

12 Rajah berikut berkaitan dengan struktur sosial masyarakat kerajaan Alam Melayu.



Bagaimanakah golongan hamba wujud dalam masyarakat di Alam Melayu?

A Perdagangan
B Peperangan
C Peperiksaan
D Pemerintahan

- 13 Gambar berikut berkaitan dengan Perayaan Hari Moyang oleh masyarakat Temuan di Selangor.



Mengapakah perayaan tersebut dilakukan?

- I Mengelak gangguan roh jahat
 - II Menghindari kesusahan di dunia
 - III Memastikan kebaikan untuk keluarga
 - IV Menyatakan kesyukuran terhadap tuhan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 14 Kerajaan Majapahit telah melaksanakan penyatuan aliran dalam agama Hindu dan Buddha di Alam Melayu.
Apakah panggilan untuk penyatuan tersebut?
- A Tripaksa
 - B Khandhaka
 - C Vinaya Pitaka
 - D Sutta Vibhanga
- 15 Bagaimanakah pemilihan raja dilaksanakan dalam kerajaan Alam Melayu?
- A Secara penggiliran
 - B Berdasarkan undian
 - C Secara suara majoriti
 - D Berasaskan keturunan
- 16 Masyarakat Alam Melayu telah mengamalkan sifat terbuka dalam amalan beragama.
Apakah kesan daripada amalan tersebut?
- A Memperkukuhkan sistem politik kerajaan
 - B Mewujudkan keunikan warisan masyarakat
 - C Memajukan sistem perdagangan tempatan
 - D Meningkatkan kerjasama antara masyarakat

17 Maklumat berikut berkaitan dengan muara Sungai Bertam.

Parameswara telah memilih Sungai Bertam untuk membentuk kerajaan kerana kedudukannya yang strategik.

Apakah fungsi awal muara sungai tersebut sebelum menjadi kerajaan?

- A Pelabuhan enterpot
- B Perkampungan nelayan
- C Pusat penanaman padi
- D Benteng pertahanan

18 Mengapakah konsep daulat diperkenalkan dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka?

- A Mengukuhkan kedudukan raja
- B Memajukan kedudukan kerajaan
- C Meningkatkan pentadbiran negeri
- D Mengukuhkan struktur sosial

19 Antara berikut, yang manakah merupakan jenis kapal besar yang mengunjungi pelabuhan Melaka?

- I Jong
 - II Bahtera
 - III Perahu
 - IV Baluk
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

20 Bagaimanakah kerajaan Makasar mengeratkan hubungan diplomatik dengan Kesultanan Melayu Melaka?

- A Membayar ufti tahunan
- B Menyerahkan bunga emas
- C Menghadiahkan "Budak Raja"
- D Melaksanakan perkahwinan siasah